153

SOALAN NO: 66

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa [Parit Buntar]**

TARIKH : **22 Mac 2018 (Khamis)**

SOALAN : **Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kesan kejatuhan ringgit terhadap barangan import bahan-bahan tenusu daripada sudut kos sara hidup.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kebergantungan negara kepada import susu dan produk tenusu masih tinggi memandangkan pengeluaran dalam negara masih rendah. Susu dan produk tenusu merangkumi pelbagai produk seperti susu segar/cair, susu tepung, susu pekat, susu berperisa, mentega, keju, yogurt, krim dan banyak jenis tambahan-makanan lain keluaran pengilangan.

Walaupun purata tukaran matawang Ringgit kepada USD mengalami penurunan dari RM3.90 (2015) kepada RM4.15 (2016), ia tidak memberi implikasi kepada nilai import susu segar/cair di mana harga per kilogram pada 2015 adalah RM3.73 berbanding RM3.55 pada 2016.

155

SOALAN (67)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 MAC 2018
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN]

SOALAN :

YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sasaran Kerajaan tahap yang sepatutnya bagi Gini Coefficient negara Malaysia. Apakah usaha-usaha yang dilaksanakan bagi memperkukuhkan Gini Coefficient.

JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Gini Coefficient* atau Pekali Gini diguna pakai untuk mengukur keseimbangan agihan pendapatan dalam kalangan isi rumah di seluruh negara. Nilai Pekali Gini adalah di antara 0 sehingga 1, di mana nilai 0 bermaksud terdapat agihan pendapatan yang saksama (*perfect equality*) manakala nilai 1 bermaksud terdapat agihan pendapatan yang paling tidak saksama (*perfect inequality*).

Pekali Gini yang semakin mengecil menggambarkan agihan pendapatan dalam kalangan isi rumah menjadi semakin seimbang. Contoh faktor penyumbang ialah apabila pertumbuhan pendapatan kumpulan berpendapatan rendah meningkat dengan lebih cepat berbanding dengan pendapatan kumpulan berpendapatan yang lebih tinggi.

Pada tahun 1970, nilai Pekali Gini Malaysia berada pada tahap 0.513. Ia telah berkurang kepada 0.442 pada tahun 1989 dan terus berkurang kepada 0.399 pada tahun 2016. Melalui pelaksanaan Rancangan Malaysia

151

Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan mensasarkan nilai Pekali Gini terus mengecil kepada 0.385 menjelang tahun 2020. Paras Pekali Gini ini adalah ditetapkan setelah mengambil kira persekitaran ekonomi, langkah-langkah yang diambil dan status sosio-ekonomi rakyat secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah bagi memastikan sasaran Pekali Gini pada tahun 2020 ini dapat dicapai telah dinyatakan di dalam dokumen RMKe-11 dengan penekanan kepada pembangunan inklusif yang memanfaatkan segenap lapisan rakyat. Ini termasuk program peningkatan pendapatan dan pembasmian kemiskinan, tindakan afirmatif, program peningkatan pendidikan dan latihan kemahiran, program keusahawanan (termasuk keusahawanan sosial dan berasaskan komuniti), program sokongan pekerjaan, program pemilikan dan peningkatan ekuiti korporat, program pembangunan vendor, program pembangunan kerjaya profesional, program pembangunan luar bandar dan koridor pembangunan, dan sistem perlindungan sosial.

Sekian. Terima kasih.

Mac 2018